

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 21 APRIL 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	LANGKAWI BERSIAP UNTUK MUNCUL SEBAGAI PENGELUAR BERAS PULUT, NEWS, BERNAMA -4	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
2.	ELAK GUNA BENIH PADI HARAM, NASIONAL, SH -16	
3.	LANGKAWI SET TO MAKE GLUTINOUS RICE ITS SIGNATURE PRODUCT, NEWS, BERNAMA -4	
4.	LANGKAWI SET TO MAKE GLUTINOUS RICE ITS SIGNATURE PRODUCT, NEWS, FRONT DESK -10	
5.	LANGKAWI SET TO MAKE GLUTINOUS RICE ITS SIGNATURE PRODUCT, NEWS, NEW SARAWAK TRIBUNE -10	
6.	653HA OF PADDY FIELD IN PENANG AFFECTED BY BPB, NEWS, CHINA PRESS -C2	
7.	SIM URGES FARMERS TO USE AUTHORISED PADDY SEEDS, NATION, KWONG WAH YIT POH -A3	
8.	PADI PLANTATION AREA IN PENANG AFFECTED BY BPB, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A11	
9.	FARMERS SHOULD USE RECOMMENDED VARIETIES, NATION, SIN CHEW DAILY -5	
10.	NELAYAN DAH MULA TURUN LAUT CARI MAKAN, SETEMPAT, HM -9	LAIN - LAIN
11.	50 NELAYAN TERJEJAS TUMPAHAN MINYAK, SETEMPAT, SH -38	
12.	NELAYAN TERJUN LAUT ELAK DITAHAN, SETEMPAT, SH -39	
13.	KUALA LANGAT HAB NANAS, SENTRAL, SH -18	
14.	MUSIM UBUR-UBUR DI SABAH DIJANGKA BERTERUSAN SEHINGGA MEI, NEWS, BERNAMA -4	
15.	LIMA STRATEGI PERKUKUH SARA DIRI PETANI, MUKA SEPULUH, BH -10	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Headline	Langkawi bersiap untuk muncul sebagai pengeluar beras pulut		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	21 Apr 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

Langkawi bersiap untuk muncul sebagai pengeluar beras pulut

LANGKAWI, 21 April (Bernama) -- Langkawi bakal muncul sebagai pengeluar beras pulut dengan projek penanaman pulut bermula September ini, kata Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Mohd Sallehuddin Hassan. Langkah ini akan m...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Elak guna benih padi haram

Menyebabkan hasil padi berkurangan sehingga 70 peratus

MOHD ISKANDAR OTHMAN

KEPALA BATAS

Golongan pesawah padi di negara ini diingatkan supaya tidak sama sekali menggunakan benih padi yang tidak sah atau tidak berdaftar di bawah Skim Pengesahan Benih Padi (SPPP) bagi mengelak risiko penyakit Hawar Bulir Bakteria (BPB).

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Sim Tze Tzin berkata, penggunaan benih padi yang tidak sah bukan sahaja boleh mengakibatkan pertumbuhan padi yang tidak seragam, malah boleh menyebabkan hasil padi berkurangan sehingga 70 peratus, selain berisiko percam-



Tze Tzin (tengah) bersama pengusaha dan pesawah padi selepas merasmikan kempen penggunaan benih padi sah peringkat Negeri Pulau Pinang, semalam.

Turut hadir, Pengarah Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (LADA) Pulau Pinang Noor Mazirah Teh dan Timbalan Pengarah Jabatan Pertanian Pulau Pinang, Shahbani Ismail.

Tze Tzin berkata, kerajaan melaksanakan kempen ini bagi memberikan informasi dan kesedaran kepada petani mengenai pentingnya penggunaan padi yang sah bagi membanteras wabak penyakit berkenaan.

Beliau berkata, penggunaan benih padi yang sah adalah satu langkah amalan pertanian baik bagi memastikan pengeluaran padi daripada sumber benih berkualiti, ketulenan varieti lebih terjamin selain mengurangkan populasi padi angin.

Menurutnya, pengeluaran benih padi yang sah dikawal pengeluarannya mengikut prosedur di bawah Skim Pengesahan Benih Padi Jabatan Pertanian serta mendapat kelulusan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI).

mereka berkurangan malah ia menyebabkan pengusaha dan pesawah padi lain turut terjejas akibat terkena bakteria ini," katanya pada sidang media selepas melancarkan Kempen Penggunaan Benih Padi Sah Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini, semalam.

"Hasil siasatan yang dilakukan kita dapati penyakit ini berlaku disebabkan ada dalam kalangan pesawah menggunakan padi yang tidak sah, selain menggunakan cara lama dalam proses penanaman padi.

"Tindakan ini bukan sahaja menyebabkan penghasilan padi

puran varieti, pencemaran benih rumpai dan berpenyakit.

Menurutnya, sehingga 20 Mac tahun ini, penyakit BPB telah merebak ke semua negeri, malah di Pulau Pinang sebanyak 653,419 hektar jelapang padi daripada 12,782 hektar telah terjejas akibat penyakit ini.

Headline	Langkawi set to make glutinous rice its signature product		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	21 Apr 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

Langkawi set to make glutinous rice its signature product

LANGKAWI, April 21 (Bernama) -- In keeping with the Prime Minister's aspiration of making glutinous rice or 'pulut' the signature product of Langkawi, the island is already paving the way to make that dream a reality. Preparations are already underway to...

To read the rest of the article, click **[View Full Article](#)**

Headline	Langkawi set to make glutinous rice its signature product		
MediaTitle	Front Desk (www.frontdesk.com.my)		
Date	21 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	1
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Langkawi set to make glutinous rice its signature product

LANGKAWI, April 21 : In keeping with the Prime Minister's aspiration of making glutinous rice or 'pulut' the signature product of Langkawi, the island is already paving the way to make that dream a reality. Preparations are already underway to start cult...

To read the rest of the article, click [View Full Article](#)

Headline	Langkawi set to make glutinous rice its signature product		
MediaTitle	New Sarawak Tribune (www.newsarawaktribune.com.my)		
Date	21 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	3
Order Rank	10	Readership	
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 450
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,350

Langkawi set to make glutinous rice its signature product

LANGKAWI: In keeping with the Prime Minister's aspiration of making glutinous rice or 'pulut' the signature product of Langkawi, the island is already paving the way to make that dream a reality. Preparations are already underway to start cultivation of ...

To read the rest of the article, click ***View Full Article***

Headline	653ha of paddy field in Penang affected by BPB		
MediaTitle	China Press (Northern)		
Date	21 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	5,959
Page No	C2	Readership	17,877
Language	Chinese	ArticleSize	627 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,063
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,189



雙溪亞齊非法穀種惹禍

檳653頃稻田染病

(北海20日訊) 农业及农基工业部副部长沈志勤指出，威南双溪亚齐是全国首个因稻农使用非法谷种而导致

稻谷感染细菌性穗枯病 (BPB) 的地区，至今全檳共有653.419公顷的稻田遭受有关病菌侵袭。

他说，细菌性穗枯病是全球性问题，世界各地均有发生，而发生在双溪亚齐的稻谷病始于2017年11月。有关病菌将影响稻米减少30%至55%的收成。

檳州联邦农业综合发展局 (FEDA) 总监诺玛兹拉补充，目前，细菌性穗枯病在檳州受侵袭程度，仍处于可控范围。



■沈志勤 (前左5) 推展檳州稻农使用合法谷种觉醒活动，左4起为慕斯达法卡马、诺玛兹拉及诺丽拉等。

安排專家出國學習

沈志勤今日在城北文豪里玛，推展檳州稻农使用合法谷种觉醒活动后，在记者会发表谈话。

他说，该部已成立一个工作委员会解决有关问题，也安排农业部专家出国取经，如到印尼参与研讨会与业界人士商讨对策。

他透露，稻农使用的谷种须获得农业部与夫马农业研究院 (MARDI) 核准，不只拥有品质保证，同时也获得政府津贴，所以农民没理由要使用非法谷种。

他说，使用非法谷种种稻已被证实是细菌性穗枯病爆发的原因，一些农民为了要快收成和获得不同的谷种，向非法谷种生产商或从外国进口非法谷种。

他强调，政府已设定目标，希望每年能为28万4000公顷的稻耕地，生产7万2000吨的合法谷种。

“全檳共有1万2780公顷的稻耕地，今年首季，当局已提供1789.48吨谷种给5312名稻农。”

出席者包括日落斗哇区州议员慕斯达法卡马、本南地区州议员诺丽拉。

半島北部和丹州 造雨

沈志勤指出，为解决稻耕地因旱灾而面对水源短缺问题，该部已与气象局合作，在半島北部和吉兰丹的集水区进行人造雨。

他透露，有些地方成功布云造雨，有的不成功。尽管如此，造雨行动会持续进行。

此外他说，基于吉兰丹河水位持续下降，当局已在当地增加新水泵，希望能协助稻农耕种；至于檳州，也已开始准备启动水泵协助农民。

Headline	Sim urges farmers to use authorised paddy seeds		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	21 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A3	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	162 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,816
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,449



沈志勤促使用认证稻谷 确保槟州稻米收成足够



沈志勤为槟州认证稻谷活动主持推展，并颁发委任状及拨款援助予农民。

（北海 20 日讯）细菌性穗枯病侵全球，槟州在 2017 年 11 月发现首宗病证之后已扩散侵袭，目前有 653 公顷稻田受影响。

细菌性穗枯病影响稻米收成

农业及农基工业副部长沈志勤促农民务必使用认证稻谷，以确保槟州有足够的稻米收成，细菌性穗枯病对稻米收成及农民带来更大的损伤。

我国在 2017 年 11 月首次在威南双溪亚齐发现细菌性穗枯病，目前各州的稻田均受影响，截至今年 3 月 20 日，该病毒已对槟州 653 公顷稻米农田造成影响。

他也透露，槟州有 1 万 2782 公顷稻田，所需要的稻谷是 8 万 9474 包，或每公顷 1789 公吨的稻谷。

“这一个细菌性病征不能等闲看待，它一旦入侵，稻米收成损伤度达到 75% 的，直接性影响整个区域的稻米产量及品质。全球各地也正面对该病症问题及挑战，因此，稻农更需要给予配合，使用认证稻谷耕种，以确保稻主收成不受影响。”

沈志勤是在周六上午，于威北文蒙里武水闸资讯中心，为槟州认证稻谷主持推展活动后如此强调。

他表示，政府在处理这一项问题上，已成立中央性及州际性的特别委员会，负起监督、协调、策划采取应对措施。#

Headline	Padi plantation area in Penang affected by BPB		
MediaTitle	Oriental Daily News		
Date	21 Apr 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	85,616
Page No	A11	Readership	256,848
Language	Chinese	ArticleSize	215 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,771
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,312



穗枯病病菌侵袭槟稻田

北海20日讯 | 槟州自2017年11月在威南双溪亚齐发现首宗被细菌性穗枯病病菌侵袭的稻田后，如今该病菌有扩散趋势，已造成槟州653公顷的稻田受影响。

农业部副部长沈志勤呼吁，稻农要使用有认证的稻谷，以确保细菌性穗枯病的病菌不会对稻米收成或稻农带来更大的损失。

他说，政府有提供具有认证的稻谷一定的津贴，但一些稻农为求稻米快速成长及更多选择品种下，采用非认证的稻谷。

他是今日为槟州认证稻谷主持推展活动时，如是指出。

他指我国首宗被发现遭细菌性穗枯病病菌侵袭的稻田是在威南双溪亚齐，目前各州的稻田均受影响。「截至今年3月20日，此病菌已对槟州653公顷的稻田造成影响。」

他说，此病菌不能等闲视之，因它一旦入侵，可能会导

致75%的稻米收成受影响。

他呼吁稻农只选择认证稻谷进行耕种，这不仅保护自家稻田的安全，也避免将细菌传染至其他稻田。

他指政府已成立中央性及州际性的特别委员会，负起监督、协调、策划，并采取应对措施。「农业部举办讲座会、派发宣传单、给予指导等，协助稻农克服这个病毒。」

针对全国旱季的情况，沈志勤说，中央政府在一些旱季情况严重的州属，已进行人造雨措施，并为面对低水压的地区提供水泵引水。他促请农民依照排好的日期引水，以免影响其他农民耕种的日期。仪式上，沈志勤移交30万3000令吉援助金予农民。

出席者包括本南地州议员诺雷拉、直落斗哇州议员慕斯达法、槟州农业综合发展主任诺玛芝拉、槟州农业局副局长沙巴尼。

CMK

Headline	Farmers should use recommended varieties		
MediaTitle	Sin Chew Daily		
Date	21 Apr 2019	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	288,920
Page No	5	Readership	866,760
Language	Chinese	ArticleSize	222 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,727
Frequency	Daily	PR Value	RM 20,182



沈志勤：稻田穗枯病擴散全國 稻農應用受認證穀種

【北海20日讯】农业及农基工业部副部长沈志勤说，前年11月先在槟州稻田发现的细菌性穗枯病（BRB）已扩散至全国，单单在槟州截至今年3月20日，已有逾653公顷的稻田遭此病毁破坏。

槓653公顷稻田遭破坏

他说，槟州的稻田面积1万2782公顷，其中653.419公顷的稻田，以及206.88公顷的谷种种植地（总面积617.06公顷）受到细菌性穗枯病的影响，所幸情况在控制中。

沈志勤今日在威北文家里玛水网中心，为槟州“使用认证谷种”醒觉运动主持推展活动时，促请稻农坚决使用获得国家认证的谷种，避免稻谷染细菌性穗枯病菌的风险。

他说，几乎已侵袭全球的细菌性穗枯病，不能被稻农漠视，否则稻谷一旦被侵袭，稻米收成损失将高达75%，甚至直接影响整个区域的稻米产量及质量。

“国家认证的谷种在获得政府津贴，稻农若不使用，



沈志勤（前左七）为槟州“使用认证谷种”醒觉运动主持推展后，与获委任状及津贴的农民合影。左六为日落斗哇区议员慕斯达法，前右六为槟州联邦农业综合发展局主任诺玛芝拉。

而冒险采用非法谷种是说不过去的，更何况没有认证的谷种还有侵袭细菌性穗枯病的高风险。”

他也相信一些稻农是为了求快心态，或选择更多不同的稻谷品种，才会冒险采用非认证的谷种。

针对干旱天气对种植的影响，沈志勤

说，农业部已对一些受到旱季影响严重的州属，例如吉兰丹采取的措施，包括人造雨，同时也为灾情较轻的地区增设更多的水泵引水。

不过，他叮嘱农民与该部紧密合作，依照当局排好的日期引水，莫为私己利益影响其他农民及耕种的日期。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	9

Nelayan dah mula turun laut cari makan

Kota Tinggi: "Kami bersyukur walaupun belum pulih sepenuhnya, tetapi pementauan berterusan pihak berkuasa membantu nelayan kembali ke laut," kata Pengerusi Persatuan Nelayan Pengerang, Abu Bakar Mohamad, semalam.

Abu Bakar dan 50 nelayan Tanjung Balau dan Tanjung Lompat di sini, mula ke laut semalam selepas terjejas akibat tumpahan minyak sejak Rabu lalu.

Menurutnya, pemantauan secara berterusan Jabatan Laut Wilayah Selatan (Johor) di perairan Tanjung Balau di sini, memberi kesan positif dalam usaha mengurangkan kesan tompokan minyak

Marine Fuel Oil (MFO) di pesisir pantai.

Abu Bakar berkata, jumlah tompokan minyak yang berkurangan mendorong nelayan turun ke laut mencari rezeki.

"Sebaik diberitahu keadaan bertambah baik, kami berani kembali ke laut. Daripada tiada apa-apa, sekurang-kurangnya ada juga rezeki nelayan yang terpaksa 'bercuti' sejak dua hari lalu.

"Nampaknya nelayan sudah boleh cari makan dan mereka membersihkan bot sekadar termampu kerana tidak mahu menunggu lama hingga terputus pendapatan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2019	SINAR HARIAN	SETEMPAT	38

50 nelayan terjejas tumpahan minyak



Abu Bakar menunjukkan bubu milik nelayan yang rosak akibat tumpahan minyak di Tanjung Balau.

KOTA TINGGI - Persatuan Nelayan Kawasan Pengerang memohon bantuan pihak berkenaan bagi meringankan beban susulan menanggung kerugian ekoran tumpahan minyak yang berlaku di Tanjung Balau di sini.

Pengerusinya, Abu Bakar Mohamad berkata, sehingga kini kira-kira 50 nelayan dari Tanjung Lompat sehingga Tanjung Balau terkesan susulan insiden itu.

Menurutnya, selain bot, peralatan nelayan seperti bubu turut terjejas selepas terkena minyak yang mencemari kawasan tersebut.

“Ada bot yang melekat dengan minyak yang tumpah itu. Bau minyak itu kalau kita memancing atau men-

jang akan menyebabkan ikan lari. Di Tanjung Balau dianggarkan lebih 10 bot yang terkesan.

“Manakala bubu terus tidak boleh guna sebab minyak yang mencemarkan kawasan laut kali ini lain macam. Kebetulan ketika tumpahan minyak itu berlaku bubu nelayan masih di sini tak sempat lagi dibawa ke laut,”-katanya.

Abu Bakar berkata, tidak dinafikan kejadian ini merupakan kejadian paling teruk dan pertama kali berlaku pada tahun ini.

Katanya, apa diharapkan pencemaran minyak itu akan segera diatasi agar mudah untuk nelayan turun ke laut mencari rezeki.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/4/2019	SINAR HARIAN	SETEMPAT	39

Nelayan terjun laut elak ditahan

FOTO: IHSAN MARITIM



Anggota Maritim melakukan pemeriksaan terhadap bot nelayan yang ditinggalkan setelah dua nelayan terjun ke laut melarikan diri, kelmarin.

KUALA KEDAH - Dua nelayan nekad terjun ke dalam laut bagi mengelak ditahan anggota Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) selepas menyedari bot mereka dihampiri bot peronda agensi terbabit, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Kedah, Komander Maritim Mahmad Faizal Ahmad, berkata, ketika pihaknya cuba menghampiri bot nelayan terbabit, mereka memecut laju dan cuba melarikan diri daripada pemeriksaan.

Menurutnya, bot peronda Maritim Malaysia

terpaksa mengejar bot nelayan itu hampir 30 minit, namun dua nelayan yang berada di atas bot tersebut bertindak terjun ke laut dan melarikan diri berhampiran kawasan pantai.

“Bot nelayan tersebut yang dianggarkan bernilai RM45,000 dibawa ke Jeti Zon Maritim Kuala Kedah untuk tindakan lanjut. Hasil pemeriksaan mendapati bot itu beroperasi secara haram tanpa sebarang dokumen bot nelayan kelas A dan menjalankan aktiviti menunda pukut,” katanya, dalam satu kenyataan, semalam.

Mahmad Faizal berkata, bot nelayan tersebut ditahan oleh bot peronda Maritim Malaysia pada 4.00 pagi, dan ketika itu berada pada jarak 0.3 batu nautika barat daya Pantai Tebingau, Kuala Kedah.

“Saya nasihatkan pengusaha bot nelayan sentiasa mematuhi undang-undang dan tidak langgar syarat lesen perikanan. Kami komited membanteras kegiatan jenayah di laut,” katanya.

Menurutnya, kes berkenaan disiasat bawah Akta Perikanan 1985 atas kesalahan melanggar syarat sah lesen.

Kuala Langat hab nanas

Dapat direalisasikan bersandarkan gerak kerja Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia

**NUR FARHANA
ABDUL MANAN**

KUALA LANGAT

Kuala Langat berpontesi menjadi hab nanas di negeri ini bersandarkan gerak kerja dilakukan Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia selain pelbagai program akar umbi, bantuan dan khidmat nasihat yang diberikan kepada pengusaha tanaman sejak sekian lama.

Ahli Parlimen Kuala Langat, Dr Xavier Jayakumar berkata, nanas merupakan industri makanan ketiga maju, dengan kedudukan ketiga dalam senarai buah-buahan utama negara selepas durian dan

pisang, sudah pasti ia membuka banyak peluang dan ruang untuk peningkatan pendapatan rakyat khususnya pengusaha kecil.

Katanya, penghasilan produk seperti kertas, kraftangan dan pelbagai produk sampingan lain yang menggunakan daun nanas sebagai bahan asas menunjukkan industri tanaman nanas berpotensi dikembangkan sepenuhnya.

Justeru, katanya gabungan semua agensi kerajaan terutama melibatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) perlu supaya pembangunan tanaman nanas dapat dibangunkan secara menyeluruh.

"Saya berbesar hati melihat penglibatan semua agensi kerajaan termasuk Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM), Jabatan Pertanian, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor dan Pejabat Tanah Daerah Kuala Langat dalam program pembangunan nanas di kawasan Kuala Langat ini.



Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Izzati (tiga dari kanan) menyampaikan plak penghargaan kepada Dr Xavier, semalam.

info

Nanas merupakan industri makanan berdaya maju, dengan kedudukan ketiga dalam senarai buah-buahan utama negara

Garang, semalam.

Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli itu berkata, beliau sentiasa menyokong gerak kerja dilakukan agensi terlibat dan berharap ia ditambah baik dari semasa ke semasa terutama berkaitan dengan modal insan dan pembangunan ekonomi menyeluruh.

Katanya, ketika ini 72 peserta berdaftar dalam Program Pembangunan Hub Nanas Kuala Langat melibatkan keluasan tanah seluas 29.6 hektar.

Beliau yakin dengan kerjasama dan strategi pihak terlibat, kadar keluasan tanaman, bilangan pengusahaan serta kadar pengeluaran nanas akan bertambah pada masa hadapan.

"Jika dulu kita biasa dengar buah nanas hanya digunakan sama ada untuk tujuan masakan atau dimakan segar, namun pada hari ini, pelbagai produk keluaran dapat dihasilkan dengan menggunakan daun nanas sebagai bahan asas.

"Syabas dan tahniah atas usaha

ha penyeldik dari UPM dan UTHM yang berusaha membina program kajian dan menjalankan program pembangunan berkenaan di daerah ini," katanya ketika berucap merasmikan Program Pembangunan Hub Nanas Kuala Langat di Balai MPKK, Batu 10

Kebun Baharu, Telok Panglima

Headline	Musim ubur-ubur di Sabah dijangka berterusan sehingga Mei		
MediaTitle	Bernama(www.bernama.com)		
Date	21 Apr 2019	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	2
Order Rank	4	Readership	7
Language	English	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	RM 900
Frequency	Daily	PR Value	RM 2,700

Musim ubur-ubur di Sabah dijangka berterusan sehingga Mei

KOTA KINABALU, 21 April (Bernama) -- Musim ledakan ubur-ubur di Sabah dijangka berterusan sehingga bulan depan berikutan keadaan cuaca panas dan kering. Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Junz Wong berkata susulan laporan ledakan ubur-ubur khus...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Lima strategi perkukuh sara diri petani

Walaupun industri padi wujud sekian lama, demi subsidi setahun ke setahun pelbagai campur tangan pasaran dan sokongan dilaksanakan. Namun selepas enam dekad, petani masih terperangkap desakan hidup atau kemiskinan.

Hampir 90 peratus pengeluaran padi diusahakan petani dalam kumpulan B40. Subsidi pula meningkat daripada RM500 juta pada 1990-an kepada RM2.2 bilion pada 2016 dan dikurangkan kepada RM1.7 bilion pada 2017.

Industri padi dan beras menerima suntikan subsidi komprehensif berbanding komoditi lain, kerana kepentingan sekuriti makanan. Harga siling beras ditetapkan, tetapi harga beras berkualiti dan istimewa diapungkan.

Agihan baja dimonopoli Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS), mewakili Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK).

Dalam rantaian bekalan, Padi-beras Nasional Berhad (BERNAS) diberi konsesi mengimport 30 peratus keperluan beras negara, di samping melaksanakan tanggungjawab sosial.

Ini termasuk mengagih subsidi kepada petani, memastikan harga stabil kepada pengguna, berfungsi sebagai pembeli terakhir untuk padi petani, menguruskan stok penimbun dan membantu kilang beras Burniputeri.

Dalam persekitaran struktur seperti ini, persoalannya mengapa petani masih terperangkap kemiskinan dan apakah ada jalan keluar?

Pengalaman negara luar menunjukkan pemberian subsidi ada manfaatnya, tetapi tidak perlu secara berterusan. Setiap subsidi perlu ada tempoh tamat, sehing-

ga matlamatnya tercapai. Contohnya pemindahan teknologi. Selepas dicapai, petani harus mampu berdikari.

Di Malaysia subsidi tiada nolithannya. Objektif ketika era Revolusi Hijau adalah memudahkan pemindahan teknologi, tetapi kini untuk mengurangkan beban kos pengeluaran. Objektif asal dicapai, tetapi beban kos terus meningkat walaupun dengan subsidi.

Begitu juga pemasaran yang difungsikan badan separa kerajaan (dahulu Lembaga Padi dan Beras Negara dan kini BERNAS) adalah model pemasaran yang terbukti tidak efisien seperti di Indonesia, Filipina, India dan Bangladesh.

Pada 1971, sebelum LPN ditubuhkan terdapat 974 pengilang beras (kecil dan sederhana) yang saling bersaing dan paling menarik, 60 peratus milik petani melalui koperasi. Ringkasnya, petani turut terbahagi kegiatan nilai tambah.

Dengan kewujudan kilang besar LPN kemudian BERNAS, kilang beras koperasi kecil dan sederhana tidak mampu bersaing, lantas gulung tikar. Kini terdapat 197 kilang pengisar beras yang rata-rata bersaiz besar dan petani pula berdepan satu atau dua kilang pembeli sahaja.

Tutup peluang petani ceburi kegiatan nilai tambah

Perubahan struktur menutup peluang petani menceburi kegiatan nilai tambah. Halangan kemasyarakatan sektor perkilangan menyebabkan pembangunan PKS kilang padi dan beras terbantut.

Kenaikan harga minimum terjamin (HMT) kepada RM1,200 pada 2014 menyebabkan kos bahan mentah kepada kilang beras bersaiz kecil dan sederhana, lantas mereka gulung tikar kerana

kerugian.

Merjelang 2018 wujud situasi berat sebelah. Apabila berunding harga, petani hanya mampu menerima. Apabila HMT ditingkatkan, harga siling beras tidak berganjak, keuntungan pengilang terjejas. Maka pengilang mampu menggunakan kadar pemotongan tinggi ke atas petani untuk menjaga keuntungan berah mereka.

Petani secara individu dan dalam situasi terdesak hanya menerima keputusan pembeli. Walaupun teknologi persawahan meningkat, malangnya kadar pemotongan padi tinggi minimum 20 peratus.

Lembaga Pemasaran di New Zealand masih bertahan kerana berpaksikan koperatif mewakili pengeluaran. Maka ia setara dan berkhidmat untuk petani. Berbeza BERNAS kewujudannya untuk melaksanakan tugas sosial diamatikan.

Dari segi agihan input, beberapa kajian menunjukkan agihan berpusat melalui NAFAS membatalkan kos transaksi tinggi seperti kelewatan penghantaran. Satu formula untuk semua jenis baja menyebabkan aplikasi baja tidak optimal, kekurangan storan di PPK dan baru-baru ini masalah kebocoran kerana isu tadbir urus lemah.

Sistem agihan baja berpusat mendatangkan dua impak. Pertama, pergantungan petani kepada subsidi baja sehingga melumpuhkan kreativiti dan daya berdikari untuk membuat keputusan sendiri ke atas sawah mereka. Impak kedua membantutkan pasaran input tempatan, terutama di kawasan masyarakat petani seperti di Thailand dan Vietnam.

Bermaksud, industri input Malaysia tipis dan tiada persaingan maka tidak menghairankan kos input tinggi.

Aliran keluar anak muda ke bandar kerana pendapatan lebih lumayan menyebabkan kekurangan buruh di kawasan padi, lantas aktiviti persawahan bergantung kepada mesin dan jentera.

Ia juga mewujudkan sektor pembekal khidmat jentera dan buruh untuk melaksanakan kegiatan di sawah. Ini meningkatkan kos upah kepada petani, sedangkan kenaikan kos pengeluaran tidak ditampung hasil padi yang tinggi. Varieti padi digunakan terbatas kepada sembilan sahaja dalam musim lalu. Petani masih menanti-nanti varieti berdaya tahan kepada perubahan cuaca dan pelbagai penyakit dan serangga. Dapat dirumuskan bahawa:

pertama, struktur pasaran padi dan beras negara tidak berubah; kedua, dalam struktur hampir sama, pendapatan petani tidak bertambah; ketiga, hasil padi tidak meningkat dengan tinggi untuk menampung kos pengeluaran dan keempat, peluang petani menceburi kegiatan nilai tambah tertutup selama 50 tahun selepas pemasaran beras dipacu kilang swasta besar dan LPN, kemudian BERNAS.

Semua gejala ini menyebabkan petani tidak mampu menyara kehidupan dan kesejahteraan untuk meneruskan persawahan.

Tingkat daya upaya petani dengan teknologi baharu

Justeru, apakah jalan keluar daripada masalah ini? Pertama, mendayapayakan petani dengan kemahiran, teknologi baharu (varieti berhasil tinggi), khidmat pengembangan intensif dan mehuas, mendayakan koperasi dan PPK supaya mereka boleh berdikari.

Kedua, beri akses dan peluang kepada petani terlibat kegiatan nilai tambah (mengisar beras pilihan mereka) untuk meningkatkan pendapatan. Maksudnya petani, koperasi atau PPK perlu diberi kredit untuk membeli mesin beras kecil dan sederhana untuk mereka miliki dan guna.

Ketiga, beri kebebasan kepada petani memilih sendiri input, rancu dan pelbagai sumber sawah diperlukan. Mereka lebih bijak memilih yang terbaik untuk sawah sendiri. Untuk tujuan ini, pasaran input perlu diliberalisasikan iaitu tidak lagi dipusatkan.

Keempat, pasaran beras dan import perlu dipertingkatkan persaingan bagi membolehkan pengilang serta pengusaha kecil dan sederhana bersama berkongsi pasaran. Ini akan mengurangkan kuasa pasaran dan mewujudkan penemuan harga yang lebih terbuka dan saksama.

Kelima, kajian dan pembangunan (R&D) perlu diperhebat dengan varieti berhasil tinggi, menggalakkan pengeluaran padi organik, mesin dan jentera kecil untuk petani, khidmat pengembangan lebih efektif dan intensif, aplikasi teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) membantu petani, khidmat nasihat dan pemantauan dalam membangunkan koperasi yang tulen dan efektif.

Dalam kata ringkas, sara diri petani perlu diperkukuhkan dahulu sebelum mereka menyumbangkan kepada sara diri beras negara.



Sistem agihan baja berpusat mendatangkan dua impak. Pertama, pergantungan petani kepada subsidi baja sehingga melumpuhkan kreativiti dan daya berdikari untuk membuat keputusan sendiri ke atas sawah mereka. Impak kedua membantutkan pasaran input tempatan; terutama di kawasan masyarakat petani seperti di Thailand dan Vietnam. Bermaksud, industri input Malaysia tipis dan tiada persaingan maka tidak menghairankan kos input tinggi